

# Buah naga dalam bidang KOSMIESEUTIKAL

Mempunyai kandungan tinggi asid lemak poli tidak tepu, sebatian antioksidan



## INOVASI

Oleh Mohamad Hussin  
mohamad\_hussin@hmetro.  
com.my

Kebiasaannya, buah naga atau nama saintifiknya pitaya banyak digunakan dalam produk makanan kerana mempunyai kandungan dan bahan aktif antioksidan yang amat tinggi, selain dapat membantu menyihatkan tubuh badan.

Menyadari kebaikan dan khasiat buah naga, pensyarah dari Jabatan Kimia, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Siti Salwa Abd Gani membuat inovasi baru berasaskan buah naga dengan menghasilkan rangkaian produk kecantikan.

Ia juga antara produk pertama di negara ini yang menggunakan buah naga dalam bidang kosmeseutikal dinamakan Naga Essence.

Dr Siti Salwa berkata, Naga Essence diperbuat daripada bahan aktif berasaskan buah naga dan ia diproses dalam beberapa jenis produk penjagaan



ANTARA produk kosmeseutikal yang dihasilkan melalui buah naga.

kulit termasuk produk emulsion bersaiz nano.

Beliau berkata, ia memberi kesan amat bagus untuk kulit manusia kerana buah naga mempunyai kandungan tinggi asid lemak poli tidak tepu (linoleik dan asid linolenik) dan sebatian antioksidan (fenolik dan flavonoid).

"Ia membentuk lapisan di atas kulit (di atas stratum corneum) dan menghalang penyerapan sinaran UVA ke dalam kulit seterusnya dapat

mengurangkan pembentukan radikal bebas (meneutralkan radikal bebas, melembapkan kulit dan menyuburkan kolagen.

"Beberapa produk kosmeseutikal sudah berjaya dihasilkan menggunakan Naga Essence seperti gincu pelembab, sabun, skrub dan cecair pencuci badan yang menyuburkan kulit.

"Semua produk yang dihasilkan menggunakan statistik 'design of expert' dan dibangunkan di makmal menerusi ka-

**"Ia dapat melembapkan kulit, menghalang pembentukan radikal bebas, menghalang penembusan UVA ke dalam kulit dan melambatkan pembentukan kedutan"**

Dr Siti Salwa

dah tenaga penyeragaman rendah dan tinggi.

"Design of expert terdiri daripada res-  
ponse sur-



ANTARA anugerah yang diterima.

face methodology', 'd-optimal mixture design' dan 'artificial neural network software' yang dapat menjimatkan masa, tenaga serta kos dalam mem-

bangunkan produk penyelidikan berkenaan," katanya selepas pelancaran di

UPM, baru-baru ini.

Menurutnya, kelebihan yang terdapat pada inovasi ini selain dijadikan sebagai antipenuaan, ia boleh digunakan mereka yang menghadapi masalah kulit seperti kulit sensitif, kekejangan serta kedutan.

"Ia dapat melembapkan kulit, menghalang pembentukan radikal bebas, menghalang penembusan UVA ke dalam kulit dan melambatkan pembentukan kedutan.

"Amat sesuai digunakan di negara Khatulistiwa termasuk negara ini, negara empat musim dan Timur Tengah.

"Ia juga baik untuk diaplikasikan di dalam bidang kosmeseutikal, Naga Essence turut berpontesi di dalam bidang farmaseutikal," katanya.

Dr Siti Salwa yang juga pensyarah di Pusat Asasi Sains Pertanian dan penyelidik bersekutu di Institut Penyelidikan Produk Halal, UPM, mempunyai 12 pelajar di bawah penyeliaannya yang terdiri daripada pelajar peringkat doktor falsafah, sarjana dan sarjana muda setakat ini.



DR Siti Salwa (tiga dari kiri) bersama pelajarannya yang menghasilkan produk Naga Essence.